

**UCAPAN ENCIK ZAQY MOHAMAD DALAM MAJLIS BULAN BAHASA
2019@MARSILING DI WOODLANDS CIVIC CENTRE, SABTU, 21 SEPTEMBER
2019**

Assalamualaikum wbr

Hari ini saya gembira dapat bersama anda semua untuk sama-sama memeriahkan dan menjayakan acara Bulan Bahasa 2019@Marsiling ini. Semoga melalui acara seumpama ini, kita dapat membantu memperkasakan lagi bahasa Melayu, sesuai dengan tema Bulan Bahasa ‘Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita’.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada MAEC Marsiling CC kerana usaha menganjur acara ini.

Mudah-mudahan kerjasama erat dengan sokongan lebih 120 relawan muda dari Sekolah-Sekolah Menengah Fuchun; Marsiling; Woodlands, Outram dan Sekolah Rendah Woodlands Ring serta pra sekolah PCF Sparkletots ini akan berterusan pada masa-masa akan datang.

Kerjasama dan kolaborasi seperti ini dapat membantu meluaskan dan mendalamkan lagi minat para penduduk kita, terutama anak muda, pada bahasa Melayu. Acara-acara kreatif dan menarik pastinya dapat membantu usaha memakmurkan bahasa kita.

Dalam hal ini, saya juga mengalu-alukan penglibatan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) dan Lembaga Warisan Negara (NHB) yang membantuk menambah nilai acara-acara yang dianjurkan contohnya bengkel teater, sesi bercerita, pelancaran buku dan permainan interaktif Duit! Duit!.

Bahasa bukan sahaja merupakan alat komunikasi tetapi lebih daripada itu. Bahasa juga merupakan saluran dalam membina tamadun dan adab sesuatu bangsa.

Sebagai alat komunikasi, pembinaan dan pembentukan peribadi seseorang dapat dibentuk menerusi bahasa yang ditutur dan digunakan.

Tanpa menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan, segala hasrat dan tindak-tanduk untuk melahirkan watak peribadi yang dihormati akan mengalami kekangan.

Malahan tanpa adab bahasa yang murni, ia boleh mewujudkan jurang komunikasi dan salah maklumat.

Bukan sahaja melalui pertuturan harian, tetapi bahasa Melayu yang kita gunakan di laman-laman sosial melambangkan keperibadian kita.

Kata-kata kesat, kasar, maki hamun dan tanpa adab hanya akan merosakkan bahasa kita tetapi juga merosakkan nama seseorang.

Kekuatan sesuatu bahasa banyak bergantung kepada penutur dan penulisnya.

Kedegilan penutur atau penggunaanya untuk tidak menggunakan bahasa Melayu secara sopan serta memelihara ketulenannya hanya akan merosakkan bahasa Melayu.

Malahan sekali gus akan menyebabkan bahasa Melayu terhakis atau dibenci kerana penggunaannya hanya untuk memarahi orang, mengutuk, mengecam dan menghina orang terutama di laman media sosial.

Tanpa kesungguhan dan komitmen daripada kita semua, keunggulan bahasa Melayu akan terhakis sedikit demi sedikit. Tanpa kita sedar, penggunaan bahasa kasar dan bahasa pasar hanya akan meminggirkan bahasa Melayu.

Kesedaran mengenai pentingnya menerapkan sikap cintakan bahasa Melayu perlu dipupuk dalam kalangan semua peringkat usia. Beradab dalam berbahasa juga adalah satu nilai yang harus kita pegang menjadi keperibadian kita.

Oleh itu, program yang kita jalankan hari ini adalah antara pelbagai usaha yang akan dan telah dijalankan untuk memelihara dan memastikan bahasa Melayu kekal relevan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih MAEC Marsiling dan semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga, dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan acara Bulan Bahasa ini.

Terima kasih.